



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**POLISI PELABURAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Kemaskini pada 14 Jun 2021.

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	1
2.	Falsafah Pelaburan	1
3.	Objektif Polisi Pelaburan	2
4.	Mandat Pelaburan	2
5.	Penubuhan Jawatankuasa Induk Pelaburan	3
6.	Pelantikan Pengurus Dana Dan Pengurus Pelaburan	4
7.	Sumber Kewangan Pelaburan	4
8.	Polisi Pengagihan Aset	5
9.	Pelaksanaan Pelaburan	6
10.	Polisi Perbelanjaan	10
11.	Pindaan	10

POLISI PELABURAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
(Kemaskini pada 14 Jun 2021)

1. PENGENALAN

- 1.1 Polisi pelaburan ("**Polisi Pelaburan**") ini terpakai kepada pelaburan yang dimasuki oleh Universiti Malaysia Kelantan ("**UMK**") di mana polisi ini diwujudkan bagi menyelaraskan aktiviti pelaburan UMK bersama peruntukan Perlembagaan UMK, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), SPA Bil.3 Tahun 1998 serta Garis Panduan Pelaburan IPTA Tahun 2004.
- 1.2 Tujuan utama Polisi Pelaburan ini adalah untuk menerangkan mengenai pengurusan pelaburan-pelaburan UMK.

2. FALSAFAH PELABURAN

- 2.1 UMK mencari strategi pelaburan aktif dan pasif di dalam melaburkan dana bagi memastikan UMK mencapai pulangan yang maksimum daripada pelaburannya.
- 2.2 UMK akan melabur terus ke dalam kelas-kelas aset yang diluluskan. Selain itu, UMK akan melaburkan sebahagian dana menerusi pelantikan pengurus dana luar bagi tujuan diversifikasi dan perbandingan dengan pengurus dana lain.
- 2.3 UMK juga akan sentiasa mengelak daripada melabur di dalam syarikat-syarikat yang boleh menjejaskan matlamat dan objektif UMK.

3. OBJEKTIF POLISI PELABURAN

- 3.1 Polisi Pelaburan ini adalah berdasarkan Lonjakan 5 – Kemampanan Kewangan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM(PT)), di mana Universiti Awam (“UA”) dikehendaki untuk menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan kewangan Kerajaan.
- 3.2 Polisi Pelaburan ini bertujuan untuk menyediakan prinsip-prinsip panduan kepada UMK untuk menyelia, memantau, dan menilai pelaburan aset-aset kewangannya secara efektif dengan:
- a. menyatakan keperluan undang-undang pada aset-aset yang ingin dilaburkan;
 - b. bertindak sebagai dokumen semakan sebagai panduan bagi memberikan pengawasan secara berterusan kepada pelaburan UMK; dan
 - c. membuktikan bahawa UMK telah memenuhi tanggungjawab fidusiari di dalam pengurusan pelaburan ini.
- 3.3 Polisi Pelaburan ini menggariskan strategi dan had secara terperinci bagi menguruskan dan pelaburan UMK.

4. MANDAT PELABURAN

- 4.1 Lembaga Pengarah Universiti (“LPU”) adalah bertanggungjawab untuk menentukan dan memberikan mandat pelaburan yang sewajarnya kepada Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (“JIPU”) bagi menjalankan aktiviti pelaburan.

4.2 Tanggungjawab LPU

LPU adalah bertanggungjawab untuk:

- a. meluluskan Polisi Pelaburan UMK; dan
- b. meluluskan cadangan pelaburan mengikut Polisi Pelaburan UMK yang ditetapkan setelah diperakui oleh JIPU.

4.3 Tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat Induk

Lembaga Pengarah Syarikat Induk bertanggungjawab sepenuhnya bagi perkara-perkara yang berikut:

- a. perkara yang berkaitan dengan polisi anak syarikat;
- b. memastikan semua lapisan syarikat subsidiari mematuhi Polisi dan Garis Panduan Pelaburan UMK, dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa; dan
- c. bagi semua lapisan Syarikat Bersekutu dan Pelaburan, Lembaga Pengarah Syarikat Induk juga bertanggungjawab bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat itu mempunyai garis panduan dan operasi yang munasabah dan selaras dengan tujuan syarikat tersebut ditubuhkan.

5. PENUBUHAN JAWATANKUASA INDUK PELABURAN

JIPU hendaklah ditubuhkan oleh LPU dan akan bertanggungjawab terus kepada LPU di dalam hal-hal yang melibatkan pelaburan yang memerlukan persetujuan Menteri Pengajian Tinggi sebelum dibentangkan untuk kelulusan Menteri Kewangan serta mengawal pelaburan mengikut had yang telah ditetapkan.

6. PELANTIKAN PENGURUS DANA DAN PENGURUS PELABURAN

- 6.1 JIPU boleh melantik pengurus dana dan pengurus pelaburan yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk bertindak sebagai pengurus dana dan pengurus pelaburan. Pengurus-pengurus dana dan pelaburan ini akan dilantik oleh JIPU dan dipilih secara teliti mengikut peraturan UMK dan mana-mana undang-undang yang relevan.
- 6.2 Pengurus dana dan pengurus pelaburan UMK adalah bertanggungjawab antaranya untuk:
- a. menguruskan dana pelaburan dengan mengenal pasti instrumen-instrumen pelaburan melalui kajian pasaran;
 - b. mengenal pasti risiko pelaburan yang sewajarnya;
 - c. memastikan pelaburan yang dimasuki UMK selaras dengan keperluan undang-undang dan tidak melanggar hukum Syariah;
 - d. melaporkan kepada JIPU mengenai prestasi dan strategi pelaburan; dan
 - e. melaksanakan tugas-tugas profesional mengikut standard etika dan teknikal, peraturan-peraturan dan undang-undang yang terpakai.

7. SUMBER KEWANGAN PELABURAN

- 7.1 UMK perlu mengenal pasti dan menyatakan sumber-sumber kewangan bagi tujuan pelaburan.
- 7.2 UMK tidak dibenarkan menggunakan geran mengurus tahunan, peruntukan pembangunan, geran penyelidikan Kerajaan atau apa-apa sumber kewangan yang diterima dari Kerajaan untuk tujuan pelaburan.

7.3 UMK hendaklah melaburkan dana yang belum digunakan (idle funds) bagi meningkatkan pendapatan. Pemilihan produk pelaburan hendaklah mengambil kira tahap kecairan, tahap risiko pelaburan dan pulangan yang berpatutan.

8. POLISI PENGAGIHAN ASET

8.1 UMK hendaklah mengambil kira polisi pengagihan aset sebagai elemen utama dalam membuat keputusan pelaburan. Polisi pengagihan aset yang sesuai adalah kritikal bagi pelaburan dana dalam kelas-kelas aset yang mempunyai nisbah risiko–pulangan yang paling optimal.

8.2 Pengagihan Aset Anak Syarikat

8.2.1 UMK hendaklah mewujudkan satu kaedah di mana keuntungan yang diterima daripada aktiviti syarikat dapat disalurkan balik kepada UMK sama ada dalam bentuk dividen, pemberian, pembayaran *tribute* atau sebagainya, termasuk memastikan peruntukan membenarkan syarikat untuk berbuat demikian dimasukkan ke dalam Perlembagaan syarikat-syarikat UMK.

8.2.2 LPU hendaklah menentukan peratusan keuntungan yang perlu disalurkan balik kepada UMK dan peratusan yang akan dilaburkan semula ke dalam syarikat.

8.2.3 Syarat umum:

- a. Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti syarikat hendaklah digunakan untuk pembiayaan pengurusan dan pembangunan UMK yang dapat memanfaatkan warga kampus.
- b. LPU perlu memastikan sebarang hasil yang dikeluarkan oleh syarikat tidak boleh menggunakan nama UMK dan segala produk atau perkhidmatan adalah pada tahap yang telah ditentukan dan sejajar dengan imej UMK.

8.3 JIPU boleh menentukan semula pengagihan portfolio pelaburan dari semasa ke semasa jikaterdapat keperluan.

9. PELAKSANAAN PELABURAN

9.1 Peruntukan Pelaburan

9.1.1 UMK hendaklah memperuntukan sejumlah wang sebagaimana yang dipersetujui oleh LPU sebagai dana pelaburan.

9.1.2 Wang yang diperuntukan itu adalah daripada wang lebih pendapatan dalam dan luar UMK atau sumber lain dan bukan daripada peruntukan Geran Kerajaan.

9.2 Prosedur Pelaburan

Prosedur pelaburan hendaklah menjelaskan:

9.2.1 Jenis pelaburan yang akan dibuat. Sebagai contoh, sama ada untuk membeli saham tersiar harga atau hartanah.

9.2.2 Kriteria pelantikan panel broker/pengurus portfolio yang berdasarkan kepada kedudukan faktor bukan kewangan seperti kekuatan pengurusan, hala tuju dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pelantikan ini mestilah mendapat kelulusan JIPU.

9.2.3 Garis panduan, prosedur kerja atau carta alir kerja bagi aktiviti pelaburan. Sebagai contoh, penyediaan garis panduan serta proses kerja bagi pembelian/penjualan saham, sama ada melalui broker atau pengurus portfolio.

9.2.4 Kaedah atau amalan yang digunakan untuk merekod urus niaga saham, bon, sekuriti Kerajaan dan sebagainya. Kaedah untuk mengambil kira dividen/faedah yang diterima, terbitan bonus, terbitan hak dan lain-lain. Antaranya:

- a. Daftar dan rekod yang mesti diselenggarakan;
- b. Rosot nilai bagi saham, bon dan debentur mestilah dikenal pasti dan tindakan sewajarnya diambil;
- c. Petunjuk prestasi utama sebagai mekanisme untuk memantau pulangan pelaburan agar ia berada pada tahap yang dijangkakan; dan
- d. Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang menyeluruh perlu diadakan bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko pelaburan.

9.3 Had Kuasa Pegawai

LPU hendaklah menentukan had kuasa pegawai berdasarkan gred jawatan pegawai, jumlah dan nilai maksimum pelaburan yang boleh diurusniagakan. Surat penurunan kuasa hendaklah dikeluarkan kepada pegawai yang berkaitan.

9.4 Pelaburan Dibuat Mengikut Had Yang Diluluskan

LPU akan menentukan had pelaburan iaitu had bilangan saham yang boleh dibeli bagi sesuatu kaunter. Perkara ini adalah penting untuk memastikan pelaburan yang dibuat tidak terdedah kepada risiko terhadap mana-mana saham dalam jumlah yang banyak. UMK perlu mempelbagaikan saham yang dibeli agar tidak terjejas sekiranya harga saham tersebut jatuh. LPU juga perlu menentukan jenis saham yang dibenarkan untuk dibeli. Sebagai contoh, pelaburan hendaklah dibuat hanya dalam saham-saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sahaja.

9.5 Pulangan Pelaburan Menepati Sasaran Yang Ditetapkan

Sasaran pulangan pelaburan hendaklah ditetapkan dalam bajet tahunan atau dalam pelan strategik UMK dan syarikat. Pulangan tahunan hendaklah dinilai sama ada sejajar dengan sasaran. Sasaran pulangan yang ditetapkan perlu disemak semula sama ada sasaran tersebut realistik dan sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa serta keadaan pasaran.

9.6 Mengkaji Dan Memantau Pelaburan

UMK hendaklah sentiasa mengkaji dan memantau pelaburan yang dibuat sama ada yang diurus sendiri atau diurus oleh pengurus portfolio. Aktiviti pelaburan yang dijalankan perlu selaras dengan perkembangan ekonomi semasa bagi memastikan pelaburan berupaya menghasilkan pulangan yang tinggi. Sekiranya prestasi pengurus portfolio yang dilantik adalah kurang memuaskan, UMK mestilah mengenal pasti tindakan sama ada untuk menamatkan perkhidmatan syarikat tersebut.

9.7 Pengasingan Tugas

9.7.1 Bagi melaksanakan urusan niaga pelaburan, UMK perlu membuat pengasingan tugas yang jelas antara *front office*, *middle office* dan *back office operations*. *Front office operations* terlibat dengan urusan niaga pelaburan seperti membuat pesanan kepada *broker* manakala *middle office operations* terlibat dalam pemprosesan pelaburan dan *back office operations* bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod perakaunan.

9.7.2 Pegawai yang menyelia *front office*, *middle office* dan *back office* mestilah terdiri daripada pegawai yang berlainan. Pengasingan tugas adalah kawalan pencegahan yang amat penting untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan.

9.8 Pelaburan melalui penubuhan anak syarikat

9.8.1 Pelaburan melalui penubuhan anak syarikat atau perbadanan hendaklah mendapat kelulusan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

9.8.2 LPU hendaklah memastikan proses yang diamalkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.

9.8.3 LPU hendaklah mempertimbangkan penubuhan anak syarikat atau perbadanan berdasarkan:

- a. Tujuan penubuhan atau perolehan.
- b. Jika telah mempunyai syarikat, sebab syarikat sedia ada tidak dapat melaksanakan tujuan tersebut.
- c. Sama ada syarikat itu akan bersaing dengan syarikat Bumiputera sediaada.
- d. Faedah kepada Kumpulan Syarikat.
- e. Peratusan ekuiti yang akan dipegang dalam syarikat yang ditubuhkan atau yang diperolehi.
- f. Kos penubuhan atau perolehan.
- g. Perancangan korporat dan pelaburan bagi tiga (3) tahun untuk syarikat itu.
- h. Butir-butir lain yang perlu.

9.9 Jenis-jenis Pelaburan

9.9.1 Jenis-jenis pelaburan yang boleh dilakukan oleh UMK (Pelaburan yang tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kewangan (MoF)) adalah seperti berikut:

- a. Pelaburan Dalam Ekuiti;
- b. Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang; Dan
- c. Pelaburan Dalam Harta Tanah.

9.9.2 Prosedur dan peraturan untuk menjalankan pelaburan yang dinyatakan perlulah merujuk dan tertakluk kepada Garis Panduan Pelaburan UMK.

10. POLISI PERBELANJAAN

10.1 Untuk mengekalkan nilai sebenar aset pelaburan UMK, kadar perbelanjaan boleh dicadangkan di dalam memperolehi keseimbangan di antara perbelanjaan semasa dan pelaburan semula baki bagi menyokong perbelanjaan masa hadapan. Peraturan pasaran yang bersesuaian akan ditetapkan oleh JIPU.

10.2 JIPU akan mengkaji semula dasar dan amalan perbelanjaan sekurang-kurangnya setiap dua tahun sekali untuk memastikan bahawa dasar itu sejajar dengan objektif kewangan.

11. PINDAAN

JIPU mempunyai hak di dalam meminda Polisi Pelaburan ini pada bila-bila masa dengan kelulusan LPU. Apa-apa perubahan yang berlaku pada Polisi Pelaburan ini akan dinyatakan di dalam laman sesawang UMK.

Kemaskini pada 14 Jun 2021.